UNTUK SIARAN SEGERA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KENYATAAN MEDIA

STATUS PELANTIKAN TETAP PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN *CONTRACT OF SERVICE* LANTIKAN 2023

Kementerian Pendidikan (KPM) memahami kebimbangan yang dibangkitkan berhubung urusan pelantikan tetap serta status semasa Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) *Contract of Service* (CoS) lantikan 2023.

Dalam hal berkaitan status kontrak perkhidmatan semasa, Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) telah meluluskan penyambungan kontrak secara menyeluruh kepada kesemua 5,840 orang PPP CoS lantikan 2023 yang masih berkhidmat berkuat kuasa sehari selepas tempoh kontrak asal mereka tamat. Ini membolehkan semua pegawai terbabit terus berkhidmat dan menerima emolumen seperti biasa.

Sehingga 12 November 2026, seramai 5,632 daripada 5,840 PPP CoS berkenaan telah menerima surat tawaran pelantikan tetap daripada SPP. Seramai 29 pegawai pula sedang dalam peringkat tindakan SPP, manakala 179 pegawai lagi masih belum memenuhi syarat yang ditetapkan antaranya belum memperoleh kelayakan ikhtisas atau belum memperoleh kelayakan CEFR C1 bagi PPP opsyen Bahasa Inggeris.

Setakat ini, Arahan Penempatan (AP) sebagai PPP lantikan tetap belum dikeluarkan kepada mana-mana pegawai dan AP akan dikeluarkan secara serentak pada Disember 2026. Sehubungan itu, tiada pegawai yang didahulukan mengikut mana-mana negeri mahupun daerah. Perbezaan yang mungkin dilihat antara surat yang diterima pegawai adalah pada peringkat penerimaan surat berkaitan pelanjutan kontrak yang dilaksanakan secara berfasa. Surat berkaitan pelanjutan kontrak berkenaan juga tidak membatalkan tawaran pelantikan tetap yang telah diterima. Pegawai diminta terus bertugas seperti biasa sementara menunggu AP.

KPM menghargai dedikasi dan kesabaran guru CoS lantikan 2023 sepanjang tempoh ini dan memberi jaminan bahawa urusan penempatan tetap akan dimuktamadkan seperti yang dijadualkan.

TAMAT

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
13 NOVEMBER 2026